

Lima juta M40 turut terima PSP

Tambahan penerima PSP daripada seramai 2.9 juta penerima golongan B40

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Kerajaan menyatakan kira-kira lima juta lagi penerima Program Subsidi Petrol (PSP) bersasar terdiri daripada pemandu golongan berpendapatan sederhana (M40).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah penerima yang akan menerima manfaat tersebut ialah tambahan penerima PSP daripada seramai 2.9 juta penerima golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2020 pada Jumaat lalu, jika sebelum ini kita gunakan data Barituan Sara Hidup (BSH) dan seramai 2.9 juta penerima dikenal pasti, apabila dibuka kepada golongan lain termasuk M40 dianggarkan (penerima) menjadi kira-kira lapan juta orang membabitkan jumlah sebanyak RM2.2 bilion,"



SAIFUDDIN

katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) yang ingin tahu mengenai kesediaan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif subsidi petrol bersasar.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, mekanisme untuk mengetahui pasti seramai lima juta penerima yang layak itu akan dibincangkan dengan pihak berkaitan termasuk Kementerian Kewangan,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kaedah pelaksanaan baharu akan dibincangkan namun setakat ini berdasarkan pelaksanaan dalam negara-negara lain, kaedah pemberian tunai dianggap terbaik. Cara per-

honan dan kaedah menyemak di bawah kategori ini akan diumumkan kelak," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Lee Wuen sama ada nilai subsidi tersebut akan dinaikkan jika terdapat peningkatan minyak mentah dunia, Saifuddin berkata, nilai itu akan berubah jika terdapat perubahan iklim ekonomi dunia.

"Ketika membuat perancangan libat urus dengan pemain industri, sudah tentu kita menjangkakan kedudukan harga minyak mentah dunia pada ketika itu berada pada

PSP UNTUK B40 DAN M40

- Kategori pertama PSP ialah penerima BSH (B40) yang layak akan diberikan subsidi petrol sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta atau RM12 sebulan untuk pemilik motosikal yang diberikan dalam bentuk pemindahan tunai dan akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan.
- Kategori kedua pula ialah bagi semua pemandu lain yang layak dan bukan penerima BSH yang mana mereka akan menerima Kad95 yang membolehkan mereka menikmati subsidi petrol 30 sen seliter yang terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal.
- Kenderaan yang layak untuk subsidi itu adalah kereta dengan kapasiti enjin 1,600cc dan ke bawah atau kereta dengan kapasiti enjin melebihi 1600cc yang berusia lebih 10 tahun atau motosikal dengan kapasiti enjin sehingga 150cc dan ke bawah atau motosikal dengan kapasiti enjin melebihi 150cc yang berusia lebih tujuh tahun

AS\$50 hingga AS\$60 setong.

"Apabila berlaku perubahan iklim politik dunia dan berlakunya kenaikan, kerajaan akan melakukan *adjustment* mengikut keadaan ketika itu," katanya.